




JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA,
PETI SURAT No. 62,
75450 MELAKA

Timbalan : 06-2323781
Pejabat Am : 06-2323777
06-2323778
06-2323779
Peperiksaan : 06-2323780
Fax : 06-2320500

Ruj. Kami : JPM.SPA.BAH.100-247
Tarih : 21 JANUARI 2010



Guru Besar,
Sekolah Kebangsaan/Sekolah Jenis Kebangsaan/SABK,
Daerah Jasin.

Tuan,

KURSUS LITERASI DAN NUMERASI (LINUS) GURU BAHASA MALAYSIA DAN MATEMATIK TAHUN SATU SK/SJK /SABK SEKOLAH RENDAH NEGERI MELAKA 2010

Dengan segala hormatnya surat daripada Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (BPG): KP (BPG) 913/600/20/4 bertarikh 13 Januari 2010 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Guru dengan kerjasama Unit Bahasa dan Unit Matematik, Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Melaka akan menganjurkan kursus di atas yang akan diadakan pada ketetapan seperti yang berikut :

**TARIKH : 01 FEBRUARI HINGGA 03 FEBRUARI 2010
(ISNIN HINGGA RABU)**

TEMPAT : PELANGI HOTEL, MUAR.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan dipohon agar dapat mengarahkan seorang guru Bahasa Malaysia Tahun 1 dan seorang guru Matematik Tahun 1 untuk mengikuti kursus tersebut. Guru yang dipilih itu mestilah guru Tahun 1 yang berpengalaman luas. Guru yang dicalonkan dikehendaki berkumpul di Pejabat Pelajaran Daerah Jasin pada 1 Februari 2010 pada pukul 3.00 petang untuk menaiki bas ke tempat kursus.

4. Perbelanjaan makan dan penginapan disediakan secara pakej. Segala tuntutan perjalanan untuk menghadiri kursus ini ditanggung oleh JPN masing-masing di bawah peruntukan Program LINUS mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa. Kerjasama tuan dipohon agar hadir dan membawa bersama bahan-bahan yang berikut :

- i. Alat tulis-menulis (pen marker, gunting, gam dan lain-lain)
- ii. CD kosong
- iii. Kad manila (2 keping) dan kertas warna (2 keping)

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
UP Sekolah	
UP Akademik	
UP Kemanusiaan	
UP Islam/Moral	
UPem. Bekalan	
Maklumat/ICT	
Keunseling	
Kewangan	
Spek./Tadbiran	

Handwritten signature and date: Hh Nora, 28/1

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini bila berhubung)

5. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan kursus ini, sila hubungi En. Harun bin Mahbut, Unit Bahasa, Jabatan Pelajaran Melaka di talian 06-2328427 atau telefon bimbit 012-6637019 atau En. Salleh bin Sawabi, Unit Matematik, Jabatan Pelajaran Melaka di talian 06-2327553 atau telefon bimbit 019-3362941

Kerjasama tuan untuk bersama-sama menjayakan kursus ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"Akademik Bermutu, Melaka No. 1"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Cintallah Bahasa Kita'

Saya yang menurut perintah,



(RAZALI BIN BAHROM)
Ketua Sektor Pengurusan Akademik
b.p. Pengarah Pelajaran Melaka.

s.k. : 1. Pengarah Pelajaran Melaka
2. Pegawai Pelajaran Daerah Jaain
3. Bahagian Pendidikan Guru
4. Fall